

30/10/1997

Mengambil iktibar daripada Deepavali

Musomar

MASYARAKAT beragama Hindu hari ini menyambut pesta cahaya atau Deepavali Vaaltukal. Lukisan tradisional atau `kolam' menghiasi halaman rumah mereka, manakala muruku dan kal urundai terhidang di atas meja menunggu dijamah.

Itulah kelebihan kita di Malaysia, semua kaum hidup dalam harmoni dan bebas mengamalkan agama dan budaya masing-masing. Sikap toleransi dan faham-memahami antara satu kaum dengan kaum lain inilah yang membolehkan bangsa kita sentiasa bersatu-padu dan negara aman, stabil dan makmur. Semua kaum bebas mengamalkan budaya dan agam masing-masing tanpa ragu dan takut atau tertekan. Suasana begini mengangkat imej negara di persada dunia sebagai yang paling harmoni dalam komposisi kaum dan budaya.

Kita percaya, perayaan tahun ini tetap meriah walaupun dalam keadaan ekonomi yang agak rumit berikutan kejatuhan nilai ringgit. Ini berdasarkan keadaan susun atur dan hala tuju budaya semua kaum pada setiap perayaan adalah untuk melahirkan kegembiraan dan kebahagiaan. Begitulah juga dengan Masyarakat Hindu, mereka tidak akan ketinggalan. Dan kejatuhan ringgit tidak akan menjejaskan kemeriahan itu.

Bagaimanapun, sikap bersederhana tetap merek amalkan. Jika dulu, awal-awal lagi kaum India berpusu-pusu memenuhi Globe Silk Store dan Kamdar untuk membeli pakaian, langsir dan sarung kusyen baru, kini mereka mungkin tidak begitu ghairah kerana mengambil langkah berjimat-cermat seperti yang disarankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, semua ini sudah pasti tidak menghalang mereka menyediakan juadah untuk menjamu rakan-rakan dan sahabat-handai yang datang berkunjung.

Deepavali adalah satu perayaan istimewa dan ia bukan saja dirayakan oleh kaum India beragama Hindu, malah masyarakat Malayalam, Telegu, Punjabi, Benggali (Sikh), Sind dan lain-lain.

Perayaan itu bertujuan memberi peluang kepada setiap penganut Hindu memusatkan fikiran mereka kepada tuhan, selain memperlihatkan suatu bentuk ritual untuk menyatakan kegembiraan atau kesyukuran mereka.

Kita merujuk kepada soal harmoni, aman, bersatu padu dan kesyukuran kerana kita mahu rakyat sedar mengenai keistimewaan yang kita miliki. Walau dalam apa keadaan ekonomi sekalipun, kita berjaya membuktikan kesepakatan kita. Ketika ekonomi negara terumbang-ambing sekarang, kita masih mampu menghadapinya dengan penuh tanggungjawab dan disiplin. Mungkin ada segelintir yang menggelabah, tetapi sebahagian besar masih tetap bersatu teguh di belakang kepemimpinan negara.

Sebenarnya, Deepavali mempunyai sejarahnya tersendiri yang menjangkau batasan realiti. Ia sering dikaitkan dengan legenda yang menceritakan mengenai pemerintah agung dan adil bernama Mahabali.

Dia menguasai keseluruhan dunia dan pengikut setia Dewa Krishna serta turut menerima pelbagai kurniaan daripada dewa. Namun dia tetap tidak berpuas hati dengan kedudukannya sebagai raja, sebaliknya mahu menguasai dunia milik Dewa Indra. Hasrat itu dibimbangi dewa Indra yang meminta bantuan dewa Krishna.

Bagi memenuhi hasratnya, Mahabali mengadakan upacara keagamaan untuk melayakkan dirinya menguasai dunia Indra. Dalam upacara itu, dia memberi derma kepada sesiapa saja yang memohonnya.

Dewa Krishna menggunakan peluang itu dengan menyamar sebagai seorang miskin dan memohon tanah seluas tiga langkah kakinya. Permintaan itu

ditunaikan dan serentak itu juga dewa Krishna menukar dirinya kepada bentuk gergasi Visvarupa dan dapat menguasai dunia serta cakerawala dengan kedua-dua langkahnya dan meminta Mahabali memberinya ruang untuk langkah ketiganya.

Mahabali tiada pilihan dan terpaksa merelakan kaki Dewa Krishna melangkah di atas kepalanya. Perlakuan Mahabali ini meletakkan dirinya mencapai kebebasan kerohanian dan sebagai balasan Dewa Krishna memberinya peluang membuat satu permohonan.

Dia mengambil peluang itu dengan meminta izin dirinya dibenarkan melawat negaranya setahun sekali dan kedatangannya perlu disambut setiap rakyat dengan memasang pelita, berpakaian baru sebagai mengalu-alukan kehadirannya. Permintaannya dikabulkan dan Deepavali dirayakan untuk tujuan itu.

Berasaskan legenda itu, Deepavali adalah satu sambutan kejayaan iaitu kuasa baik mengatasi kuasa jahat atau nafsu jahat. Ia juga hari untuk individu mengimbas kembali perlakuan lalu sama ada baik atau buruk dan berusaha membuang sifat buruk dan mengekalkan yang baik. Ini akan memberi ketenangan dan cahaya kepada setiap individu.

Seperti perayaan kaum lain, Deepavali juga mempunyai mesej perpaduan yang jelas untuk rakyat negara ini. Kemenangan cahaya mengatasi kegelapan bukan saja ditujukan untuk masyarakat Hindu, malah diangkat ke taraf yang lebih meluas, mungkin Deepavali kali ini akan mempengaruhi usaha pemulihan kekuatan ringgit dan ekonomi.

Kerana itu kita mungkin dapat mengambil iktibar daripada perayaan Deepavali tahun ini.

(END)